

Jika tindakan pekerja<sup>2</sup> tambah buruk<sup>211</sup>

# MAS AKAN

# DIGANTUNG

M. M. 28 JAN 1979

**KUALA LUMPUR 27 Jan. —** Pe-  
**mangku Perdana Menteri, Datuk**  
**Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini ber-**  
**kata perkhidmatan MAS akan digan-**  
**tung buat sementara waktu jika tindak-**  
**an 'go slow' para pekerjanya bertambah**  
**buruk.**

Serentak dengan itu beliau mendedahkan, dalam bulan Disember tahun lalu sahaja, MAS telah mengalami kehilangan hasil \$2 juta dan kerugian perbelanjaan \$200,000 akibat tindakan tersebut.

"Jika kita tidak boleh menguruskan sebuah syarikat penerbangan, lebih baik kita tidak ada syarikat penerbangan," ujarnya serius.

"Dan jika para pekerja MAS tidak boleh menjadikan syarikat itu sebuah syarikat penerbangan yang boleh diharapkan, kerajaan tidak akan terus membuang duit untuknya."

Sambil memberi amaran kerajaan akan mengambil tindakan tegas ke atas mereka yang bertanggungjawab, beliau menambah, "kami sedang memberi setiap orang peluang untuk kembali kepada luno undang-undang."

**KUALA LUMPUR 27**  
**Jan. —** Pendaftar Kesatuan-Kesatuan Sekerja hari ini membekukan semua kegiatan Kesatuan Pekerja Penerbangan [AEU] di bawah Seks 16 Ordinan Kesatuan Sekerja 1959.

Mengumumkan ini, Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, Datuk Richard Ho menjelaskan bahawa kesatuan ini diberi tempoh dua bulan bagi menerangkan kenapa pendaftarannya tidak harus dibatalkan.

Sementara itu, Pengerusi Mas, Raja Tan Sri Mohar bin Raja Badi-ozaman memberitahu bahawa kemungkinan pihaknya akan menambal bilangan kakitangan

"Saya tidak mahu menuduh sesiapa dalam perkara ini, tetapi apa yang kerajaan beratkan ialah perkhidmatan MAS kerana ia telah mencurahkan wang yang begitu banyak untuk mengangkatnya menjadi perkhidmatan yang cemerlang," tambah beliau.

Dalam hubungan ini katanya, kerajaan telah memperuntukkan lebih \$80 juta lagi untuk memajukan Lapanganterbang Antarabangsa Subang.

Datuk Sri Dr. Mahathir, juga mengeluarkan arahan kepada para Menteri Besar dan Ketua Menteri di mesyuarat ta-

Mengenai pentadbiran tanah, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata kerajaan sedang mengkaji satu laporan yang disediakan oleh unit tadbiran dan tenaga manusia Malaysia mengenai projek itu.

## Lunas undang-undang

Bila para wartawan berkali-kali bertanya sampai bila kerajaan hendak perhatikan sahaja perkhidmatan "cemerlang" MAS terus terjejas, Datuk Sri Dr Mahathir berkata, "kami sedang membaca tanda-tanda yang mereka tunjukkan sebelum bertindak kerana tidak mahu dituduh kejam.

Pemangku Perdana Menteri bercakap kepada para wartawan selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Kewangan Negara di sini hari ini.

Beliau menarik perhatian, kerajaan bukannya tidak boleh bertindak, tetapi tindakan kerajaan hanya boleh dibuat mengikut lunas undang-undang.

"Dalam soal MAS, negaralah yang terpaksa menanggung beban kerugian kerana terdapat di dalam syarikat itu orang-orang yang sanggup memijak undang-undang," tegasnya.

Datu Sri Dr. Mahathir kemudian mengingatkan bahawa penubuhan syarikat MAS telah mewujudkan peluang pekerjaan yang beribu bilangannya.

"Malangnya, bila sahaja seseorang yang menganggur itu mendapat kerja, ia akan terlupa bahawa ada lagi orang-orang yang masih terus menganggur," ujarnya.

**Jika perlu untuk memastikan segala kegiatan adalah menurut jadual.**

Beliau berkata, haruslah difahami bahawa MAS ialah perkhidmatan yang perlu dan sebarang tindakan merosakkannya adalah dikesalkan.

Beliau menegaskan, kerajaan telahpun membuat keputusan membeli pesawat-pesawat baru seperti A300, DC10 dan sebagainya dalam usaha memajukan MAS sebagai sistem pengangkutan moden yang boleh dibanggakan.

"Tetapi usaha ini hanya akan membawa faedah jika para pekerjaannya menjalankan tanggungjawab masing-masing dengan sempurna. Jika tidak berjuta-juta ringgit yang dibelanjakan itu akan terbuang begitu saja," ujarnya.

hunan Majlis Kewangan Negara yang dipengerusikan oleh beliau di sini hari ini supaya semua kerajaan negeri mendapat sebagai sumber pendapatan mereka bagi menampung perbelanjaan yang bertambah bagi projek pembangunan.

Kerajaan-kerajaan negeri telah juga diminta menyelaraskan cara mengutip hasil pendapatan.

Beliau memberitahu satu sidang akhbar selepas mesyuarat itu, kebanyakan negeri sekarang menghadapi kekurangan belanjawan dan terpujang kepada mereka mengatasi masalah itu.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, salah satu sebab utama kerajaan negeri menghadapi kekurangan belanjawan ialah pembayaran gaji bagi kakitangan kerajaan di bawah laporan jawatan-kuasa kabinet.